

Ruj. Kami : ANM.PK.A 600-1/13 JLD.3 (9)
Tarikh : 17 November 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Tuan,

PROSES PENUTUPAN AKHIR TAHUN DOKUMEN KEWANGAN 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 6 Tahun 2021 rujukan JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.3(08), tarikh akhir dokumen kewangan bagi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) tahun 2021 adalah pada 30 November 2021 atau tarikh akhir yang dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.
3. Sehubungan dengan itu, Panduan Penutupan Akhir Tahun Dokumen Kewangan 2021 disertakan untuk perhatian dan tindakan segera Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin / YBrs. Dr. /Tuan / Puan yang boleh diakses melalui Portal Rasmi JANM Negeri Perak.
4. Sebarang pertanyaan berhubung proses Penutupan Akhir Tahun perlu dirujuk kepada unit-unit yang berkaitan seperti surat yang dilampirkan.

**UNIT AKAUN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**